

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 2

(a) Apakah maksud aset perniagaan?

Maksud aset perniagaan:
Aset perniagaan merujuk kepada harta perniagaan atau hak tuntutan perniagaan terhadap pihak luar.

(b) Nyata dan jelaskan dua klasifikasi aset yang digunakan semasa penyediaan penyata kedudukan kewangan:

Klasifikasi aset di Penyata Kedudukan Kewangan	Penjelasan
1. Aset semasa	Aset semasa adalah harta atau hak tuntutan perniagaan yang boleh ditukarkan kepada tunai dalam jangka masa setahun.
2. Aset bukan semasa	Aset bukan semasa adalah harta perniagaan yang bersifat tahan lama dan digunakan dalam perniagaan untuk satu jangka masa lebih daripada setahun.

(c) Kelaskan aset-aset berikut mengikut dua klasifikasi aset yang digunakan dalam penyata kedudukan kewangan perniagaan:

Jenis aset	Klasifikasi aset
1. Akaun belum terima	Aset semasa
2. Lengkapan	Aset bukan semasa
3. Paten	Aset bukan semasa
4. Insurans prabayar	Aset semasa

(d) Nyatakan dua akaun kontra di mana akaun induknya adalah satu akaun aset:

Akaun kontra
1. Akaun susutnilai terkumpul
2. Akaun peruntukan hutang ragu

(e) Berikan dua contoh aset tak ketara.

Contoh Aset tak ketara
1. Paten
2. Hak cipta